LAPORAN AKTIVITI KELAB/PERSATUAN
SESI MAC 2024– OGOS 2024

| No. | PERKARA | JUMLAHLAPORAN AKTIVITI KELAB/PERSATUAN SESI MAC 2025– OGOS 2025 | PERATUSAN |
|---|---|---|---|
| 1 | KESELURUHAN PROGRAM YANG DIMOHON DALAM KW3P | LAPORAN AKTIVITI KELAB/PERSATUAN SESI MAC 2025– OGOS 2025231 | 100% |
| 2 | PROGRAM SUDAH DILAKSANAKAN | 160 | 69.27% |
| 3 | PROGRAM BATAL | 71 | 44.38% |
| 4 | HANTAR LAPORAN | 142 | 88.76% |
| 5 | ANTARABANGSA | 7 | 4.38% |

| SENARAI PROGRAM | |
| --- | --- |
| KELAB PERSATUAN SESI MAC 2024-OKTOBER 2024 | |
| PROGRAM DIHANTAR DALAM KW3P | 231 |
| HANTAR LAPORAN | 142 |
| PROGRAM DIBATALKAN | 71 |
| TIDAK HANTAR LAPORAN | 13 |
| PENGANTARABANGSAAN | 7 |

# PECAHAN MENGIKUT KATEGORI

| KATEGORI/ KELAB/ PERSATUAN | MPP | JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ | PERSATUAN/ KELAB AKADEMIK | BADAN BERUNIFORM | PERSATUAN/ KELAB BUKAN AKADEMIK | MASMED |
|---|---|---|---|---|---|---|
| AKADEMIK/ ILMIAH | 1 | 17 | 20 | 5 | 22 | 2 |
| KHIMAT MASYARAKAT/ SOSIAL | 4 | 8 | 1 | 2 | 3 | 1 |
| KREATIF/ INOVASI | | 2 | 2 | | 3 | 1 |
| SUKAN/ REKREASI | | 5 | 5 | 1 | 11 | 1 |
| KEROHANIAN | 3 | 2 | 3 | | 6 | 1 |
| KEBUDAYAAN DAN WARISAN | 1 | | 2 | 1 | 3 | |
| KEUSAHAWANAN | 3 | 3 | 1 | | 2 | 7 |
| PATRIOTISME | | | | | | |
| PENGANTARABANGSAAN | | | | | | |
| KEMAHIRAN KOMUNIKASI | 3 | | | | 1 | |
| KEPIMPINAN | 1 | 2 | 1 | 1 | 2 | |
| KERJAYA& KAUSELING | | | | | | |

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# BENGKEL PIMPINAN IMAN








Program ini diadakan untuk memberi pendedahan tentang skop kerja exco masing-masing. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk mengeratkan hubungan antara sekretariat kelab agar dapat bekerjasama dengan lebih baik berbanding sebelum ini. Akhir sekali, program ini turut diadakan untuk melatih sekretariat baharu untuk lebih yakin dalam menjalankan tanggungjawab masing-masing.





BULETIN

Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Universiti Teknologi MARA

# HARI BERSAMA STAF RESIDEN KOLEJ








**PADA 22 MAC 2023, JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ TUNKU ABDUL RAHMAN MENGADAKAN PROGRAM HARI BERSAMA STAF RESIDEN KOLEJ. Program ini merupakan program wajib anjuran Jawatankuasa Perwakilan Kolej yang diadakan pada minggu awal semester. Program ini diadakan bertujuan untuk memperkenalkan barisan Staf Residen Kolej dan Jawatankuasa Perwakilan Kolej kepada para penghuni kolej di UiTM Cawangan Kelantan, Kampus Machang. Program ini juga diadakan bagi menerangkan tentang peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh penghuni kolej semasa berada di kolej dan memberi pendedahan tentang SOP baharu sesuai dengan keadaan semasa pada masa kini.**





UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# LAWATAN MUHIBBAH




Program ini telah diadakan pada 27,29,30 Jun 2024 . Program ini merupakan program anjuran Jawatankuasa Perwakilan Non Residen yang diadakan khusus untuk mahasiswa Non Residen UiTM cawangan Kelantan Kampus Machang. Program ini diadakan bertujuan untuk beramah mesra dan mempereratkan hubungan bersama pelajar-pelajar Non Residen UiTM Cawangan Kelantan dengan memperkenalkan barisan Staf Non Residen (SRNR) dan Jawatankuasa Perwakilan Non Residen (JPNR) bagi sesi 2023/2024 bagi memastikan pelajar Non Residen mengenali dan memahami skop tugas mereka. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk mendengar serta menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh pelajar Non Residen semasa mereka mendiami rumah sewa di sekitar kampus. Dengan tujuan-tujuan yang jelas program Lawatan Muhibbah NR ini diharapkan dapat memberikan manfaat kepada pelajar Non Residen UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang.









Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# *MUET : JOURNEY TO FLUENCY*








**SINOPSIS PROGRAM**

*MUET : JOURNEY TO FLUENCY* merupakan program akademik yang dianjurkan oleh Persatuan *INTELLECTUAL DYNAMIC BUSINESS SOCIETY* ( INDYBS ) UiTM Cawangan Kelantan Campus Machang. Program ini diadakan bertujuan meningkatkan ilmu pengetahuan pelajar dari segi penguasaan bahasa, kemahiran mendengar, menulis dan bertutur untuk menghadapi peperiksaan MUET. Program ini juga dijalankan pada 29 Jun 2024 iaitu pada hari Khamis bermula pada 9:00 pagi sehingga 1:30 petang di AUD 200, UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang yang melibatkan pelajar UiTM dan semua ahli INDYBS.





UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# ZUMBA FUSION NIGHT








Pada 28 Jun 2024, *Outdoor Recreation Club* (ORC) telah menganjurkan Program *Zumba Fusion Night*. Program ini berlangsung di Dewan Profesional , UiTM Cawangan Kelantan, Kampus Machang. Objektif utama program ini adalah untuk melahirkan para peserta program yang aktif berpartisipasi dalam latihan kardiovaskular serta sekaligus dapat meningkatkan kesedaran dalam diri para peserta tentang pentingnya aktiviti fizikal dalam menjaga kesihatan. Pihak penganjur berjaya mencapai sasaran iaitu seramai 250 orang mahasiswa daripada UiTM Cawangan Kelantan, Kampus Machang telah menyertai program yang berimpak tinggi ini.





BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# TEAM BUILDING 2024 : MAKE YOUR DREAM WORK








**Pada 29 Jun 2024, Kelab Pembimbing Efektif Rakan Sebaya (PEERS) dan Unit Kerjaya & Kaunseling telah menganjurkan Program Team Building 2024: Make Your Dream Work. Program ini telah berlangsung di Pantai Kala-Kala, Bachok Kelantan. Objektif Utama program ini diadakan adalah bertujuan untuk mendedahkan cara bagi menangani tekanan yang dihadapi oleh mahasiswa, meningkatkan kemahiran insaniah dalam kefahaman berkaitan dengan kerjasama dalam pasukan serta mengeratkan lagi hubungan di antara penasihat dan ahli jawatankuasa kelab PEERS. Pihak menganjur telah berjaya kumpul seramai 53 orang penyertaan dari Kelab PEERS dalam menyertai program yang berimpak tinggi ini.**





BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# TAKAFUL TALK WITH SAFT ADVISORY PRUBSN




**POSTER PROGRAM**

Persatuan D'Banquers Cawangan Kelantan berhasrat untuk menganjurkan program dengan koloborasi SAFt yang berbentuk akademik dan ilmiah. Fokus utama program adalah membantu dan memberikan pencerahan serta pendedahan kepada pelajar Diploma Perbankan di UiTM Cawangan Kelantan untuk memahami prinsip-prinsip asas takaful, produk-produk yang akan ditawarkan dan peluang pekerjaan dalam industri takaful. Program ini terbuka kepada seluruh Pelajar Diploma Pengajian Perbankan.




**VVIP: ENCIK MUHAMMAD AMIRUL MUKMININ SUHAIMI**




**GAMBAR AJK**




**PERASMI: ENCIK PUTRA FAIZZURAHMAN ZAHID**



**GAMBAR PROGRAM**

BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# KURSUS PENYEMBELIHAN HALAL SIRI 1









Kesimpulannya, Program Kursus Penyemebelihan Halal Siri ! telah menemui kejayaan hasil daripada kerjasama antara JPK TDM, Masjid Yahya Petra dan Pertubuhan Cakna Kelantan. Tujuan program ini dilaksanakan untuk memberi ilmu pengetahuan kepada peserta berkaitan dengan ilmu sembelihan. Program ini telah dilaksanakan pada 29 Jun 2024 di Masjid Yahya Petra Machang. Antara aktiviti yang dilakukan adalah mendengar taklimat tatacara sembelihan, melakukan teori sembelihan dan memasak.





Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# MATHS LAB








**PROGRAM *MATHS LAB* DiQMA YANG DIANJURKAN OLEH PERSATUAN *DIPLOMA IN QUANTITATIVE OF SCIENCE MATHEMATICS ASSOCIATION* (DiQMA) DENGAN KERJASAMA PERSATUAN AKADEMIK DIPLOMA STATISTIK (I-TECHQS) DAN PERSATUAN *SCIENCE COMPUTER SOCIETY* (SCiCO) INI DIADAKAN PADA 22 JUN 2024 (SABTU) DI BLOK D, UiTM CAWANGAN KELANTAN. PROGRAM INI BERTUJUAN UNTUK MEMBANTU PELAJAR-PELAJAR CDCS143, CDCS111 DAN CDCS110 MENGULANGKAJI SUBJEK MAT133, MAT183 DAN MAT233 UNTUK MENDAPAT KEPUTUSAN YANG CEMERLANG DALAM PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER MAC-OGOS 2024.**





BULETIN

**PERSATUAN *DIPLOMA IN QUANTITATIVE OF SCIENCE MATHEMATICS ASSOCIATION***

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PROGRAM PEMANTAPAN ANAK GAYONG








PROGRAM PEMANTAPAN ANAK GAYONG ADALAH SEBUAH INISIATIF YANG BERTUJUAN UNTUK MEMPERKUKUH KEMAHIRAN DAN SEMANGAT AHLI-AHLI SILAT DALAM KUMPULAN GAYONG. PROGRAM INI MERANGKUMI LATIHAN INTENSIF YANG MELIBATKAN PELBAGAI ASPEK SENI SILAT SEPERTI TEKNIK PERTAHANAN DIRI, KEKUATAN FIZIKAL, DAN DISIPLIN MENTAL. SELAIN LATIHAN FIZIKAL, PROGRAM INI JUGA MENEKANKAN NILAI-NILAI MURNI SEPERTI KEBERANIAN, KEJUJURAN, DAN KERJASAMA. AKTIVITI TAMBAHAN SEPERTI SESI MOTIVASI DAN CERAMAH TURUT DIADAKAN UNTUK MEMUPUK SEMANGAT JUANG DAN KOMITMEN DALAM KALANGAN AHLI. MELALUI PROGRAM INI, AHLI-AHLI SILAT GAYONG DIHARAPKAN DAPAT MENINGKATKAN KEMAHIRAN MEREKA, MEMPERKUKUH IKATAN PERSAUDARAAN, DAN MEMAJUKAN SENI SILAT GAYONG KE TAHAP YANG LEBIH TINGGI.







PERSATUAN SILAT SENI GAYONG MALAYSIA (PSSGM)

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PROGRAM MANDI TAPAK








"MANDI TAPAK" adalah upacara tradisional dalam seni silat yang bertujuan untuk membersihkan diri daripada unsur-unsur negatif, memperkukuh ikatan antara ahli kelab dan meningkatkan keyakinan diri. Upacara ini biasanya dilakukan di kawasan bersih berhampiran sumber ain, dengan ahli kelab memakai pakaian silat dan menggunakan bahan-bahan seperti bunga, limau, serta air yang telah dibacakan dengan ayat-ayat suci Al-quran. Program ini dimulakan dengan bacaan doadan selawat, diikuti dengan penyiraman atau penceburan diri ke dalam air tersebut serta menggunakan bahan seperti bunga dan limaubsebagai simbolik penghapusan unsur-unsur negatif. Upacara diakhiri dengan doa kesyukuran, mempererat ukhwah dan disiplin dalam kalangan ahli serta memajukan seni silat itu sendiri.





BULETIN

PERSATUAN SILAT SENI GAYONG MALAYSIA (PSSGM)

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar



# MAJLIS KENAIKAN BENGKUNG AWAN PUTIH








MAJLIS KENAIKAN BENGKUNG AWAN PUTIH DALAM PERSATUAN SILAT SENI GAYONG MALAYSIA MERUPAKAN ACARA PENGIKTIRAFAN YANG PENTING BAGI PARA AHLI YANG TELAH MENCAPAI TAHAP KECEKALAN DAN KEFAHAMAN YANG MENDALAM DALAM SENI BELA DIRI TRADISIONAL MELAYU. MAJLIS INI BERTUJUAN UNTUK MENGHARGAI DAN MENGIKTIRAF PENCAPAIAN MEREKA DALAM MEMPELAJARI DAN MENGHAYATI SILAT GAYONG SEBAGAI BAGIAN TAK TERPISAHKAN DARI WARISAN BUDAYA MELAYU. SELAIN SEBAGAI WADAH PENGHARGAAN, MAJLIS INI JUGA BERTUJUAN UNTUK MEMOTIVASI AHLI-AHLI PERSATUAN DALAM MEMPERBAIKI KEMAHIRAN TEKNIKAL DAN MENGUATKAN NILAI-NILAI DISIPLIN, KESABARAN, SERTA SEMANGAT KESETIAAN KEPADA PERSATUAN. DENGAN PELAKSANAAN YANG TELITI DAN TERATUR, MAJLIS INI DIHARAPKAN DAPAT MENGILHAMI GENERASI MUDA UNTUK MENERUSKAN TRADISI DAN MELESTARIKAN SENI BELA DIRI MELAYU YANG KAYA AKAN NILAI-NILAI KEBUDAYAAN.





BULETIN

PERSATUAN SILAT SENI GAYONG MALAYSIA (PSSGM)

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# KELAS LATIHAN SILAT








KELAS LATIHAN SILAT GAYONG MALAYSIA MELIBATKAN PEMANASAN, PENGAJARAN GERAKAN DASAR SEPERTI KUDA-KUDA, LANGKAH, TUMBUKAN, TENDANGAN, SERTA ELAKAN DAN TANGKISAN. PESERTA KEMUDIAN BELAJAR TEKNIK LEBIH KOMPLEKS SEPERTI SERANGAN DAN PERTAHANAN, KUNCI DAN GULINGAN, SERTA SILAT SENI. LATIHAN SENJATA TRADISIONAL SEPERTI KERIS DAN PARANG DIAJARKAN DENGAN PENEKANAN PADA KESELAMATAN. LATIHAN BERPASANGAN DILAKUKAN UNTUK MEMPRAKTIKKAN TEKNIK DALAM SITUASI REALISTIS, TERMASUK SPARRING. SELAIN ASPEK FISIK, LATIHAN JUGA MENEKANKAN NILAI-NILAI TRADISIONAL SEPERTI DISIPLIN, HORMAT, KEBERANIAN, DAN KERJASAMA. PENILAIAN DAN PENGHARGAAN DIBERIKAN BERDASARKAN KEMAJUAN PESERTA. KELAS DIAKHIRI DENGAN PENDINGINAN UNTUK MEMBANTU OTOT RILEKS. LATIHAN SILAT GAYONG MALAYSIA TIDAK HANYA MENINGKATKAN KESEHATAN FISIK DAN KETERAMPILAN BELA DIRI, TETAPI JUGA MENGEMBANGKAN KARAKTER DAN PEMAHAMAN BUDAYA YANG MENDALAM.





BULETIN

PERSATUAN SILAT SENI GAYONG MALAYSIA (PSSGM)

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# SNEAK PEEK OF SU: TIPS SURAT








PROGRAM SNEAK PEEK OF SU: TIPS SURAT MERUPAKAN SATU PROGRAM ILMIAH YANG BERKONGSI TENTANG CARA MEMBUAT SURAT RASMI MENGIKUT FORMAT UiTM YANG TELAH DIJALANKAN PADA 22 JUN 2024 (SABTU) PADA JAM 9 PAGI HINGGA 12 TENGAH HARI DENGAN JUMLAH PESERTA SERAMAI 150 ORANG DAN 35 ORANG AJK. CERAMAH INI DIKETUAI OLEH PUAN RAZIANI RAHIM, SETIAUSAHA PEJABAT KANAN HAL EHWAL PELAJAR, UiTM CAWANGAN KELANTAN, KAMPUS MACHANG.





BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# HARI BERSAMA AHLI GPMS








Hari Bersama Ahli GPMS merupakan satu program dimana ahli baru diberi peluang untuk mengenali dengan lebih dekat Ahli Majlis Tertinggi dan Barisan Exco bagi sesi 2023/2024 serta GPMS ingin berkongsi lebih lagi mengenai kelab GPMS. Program ini telah berlangsung pada 8 Jun 2024 (Sabtu), dari 2:00 petang hingga 5:00 petang bertempat di Dewan Terbuka Kolej Tun Hussein Onn, UiTM Machang dengan penyertaan daripada 40 orang ahli baru GPMS serta dihadiri oleh penasihat GPMS UiTM Cawangan Kelantan.





BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# NR MERCHANDISE CONTEST









PROGRAM INI MERUPAKAN PROGRAM ANJURAN JAWATANKUASA PERWAKILAN NON RESIDEN DENGAN KERJASAMA ADBRAIN SOCIETY YANG DIADAKAN UNTUK SEMUA MAHASISWA UITM CAWANGAN KELANTAN, KAMPUS MACHANG. PROGRAM INI DIADAKAN BERTUJUAN UNTUK MENDAPATKAN DESIGN BAJU DARI PARA PESERTA PERTANDINGAN INI UNTUK DIJADIKAN MERCHANDISE NON RESIDEN UNTUK SEMUA MAHASISWA KHUSUSNYA DI UITM CAWANGAN KELANTAN, KAMPUS MACHANG. KELAB ADBRAIN SOCIETY AKAN MEMBANTU JAWATANKUASA PERWAKILAN NON RESIDEN DALAM MEMILIH DESIGN-DESIGN YANG MENARIK DAN UNIK SEKALIGUS MEMUDAHKAN PROSES DALAM MEMILIH PEMENANG KERANA MEREKA LEBIH MAHIR MENGENAI KESENIAN ATAU KEBUDAYAAN.






BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# SOLAT HAJAT PERDANA








SINOPSIS PROGRAM :
PROGRAM INI DIADAKAN PADA MINGGU KE-14 HARI RABU DARI JAM 7.00 PM HINGGA KE 9.30 PM BAGI MEMOHON PERTOLONGAN SERTA KEBERKATAN ALLAH SWT SUPAYA DILANCARKAN PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER MAHASISWA-MAHASISWI UITM KELANTAN CAWANGAN KOTA BHARU. PENYERTAAN SERAMAI 45 ORANG PESERTA MEMERIAHKAN LAGI PROGRAM YANG BERLANGSUNG DAN PROGRAM DIRASMIKAN OLEH KETUA PENASIHAT KELAB SENDIRI IAITU USTAZ HUSAINI. KANDUNGAN PROGRAM INI ADALAH SOLAT MAGHRIB, BACAAN YAASIN, SOLAT HAJAT & SOLAT ISYAK BERJEMAAH.





BULETIN

NAMA KELAB/PERSATUAN : INTELLECTUAL MEMBERS OF MUSLIM NATION CLUB

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# MOVIE NIGHT : A NIGHT TO REMINISCE












*Program MOVIE NIGHT: A NIGHT TO REMINISCE ACQUIRE* dianjurkan pada peringkat Persatuan Akademik Diploma Statistik (I-TECHQS) yang diadakan di AUD200 dan dihadiri seramai 209 orang termasuk AJK Pelaksana.

Program ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan keterlibatan mahasiswa dalam program yang dianjurkan oleh kelab dan persatuan. Selain itu, mengeratkan dan mengukuhkan silaturahim dalam kalangan pelajar KPPIM. Seterusnya, menggalakkan mahasiswa untuk mengenalpasti dan mempraktikkan nilai murni melalui filem yang ditonton. Akhir sekali, meningkatkan kemahiran ahli jawatankuasa dalam menguruskan sesuatu program.

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# TRAIN THE TRAINERS 2024








Train The Trainers adalah program yang dianjurkan bersama pihak Chumbaka Sdn. Bhd, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Yayasan Sime Darby. Program ini merupakan sebuah bengkel bagi memberi persediaan kepada pelajar untuk menjadi mentor kepada murid-murid sekolah dan juga sebagai persediaan awal kepada guru sekolah untuk mempersiapkan pasukan-pasukan dari sekolah mereka untuk menghadapi Pertandingan Young Innovation Challenge (YIC) Peringkat Negeri Kelantan yang akan berlangsung pada September 2024. Objektif utama YIC adalah bagi menyediakan satu platform untuk pelajar sekolah menengah mempamerkan prototaip kreativiti mereka dalam menyelesaikan masalah menggunakan teknologi terkini.





# RAMADAN SHARING SESSION WITH TR
















**SINOPSIS PROGRAM**

Program "Ramadhan Sharing Session" merupakan program kerohanian yang bertujuan untuk perkongsian ilmu dan juga nasihat berkaitan bulan Ramadhan. Program ini akan diadakkan di peringkat antarabangsa iaitu dengan menjemput penceramah dari Universiti Al-Azhar, Mesir. Jumlah penyertaan dianggarkan 100 kebawah dan akan diadakkan secara atas talian di platform Youtube Jawatankuasa Kolej Tun Razak dan akan berkolaborasi bersama Keluarga Pelajar-Pelajar Perlis Mesir (KPP) sebagai penceramah. Tiada tajaan dan jumlah pendapatan, pengiktirafan dan penghargaan di peringkat Antarabangsa. Laporan media dari media sendiri.

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# KULIAH MAGHRIB











PROGRAM INI ADALAH ANJURAN JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ TUN HUSSEIN ONN (JPKTHO). PROGRAM YANG BERBENTUK ILMIAH SEPERTI PERKONGSIAN MAKLUMAT DAN LAIN-LAIN AMAT DIGALAKKAN KEPADA SELURUH MAHASISWA UITM CAWANGAN KELANTAN. DENGAN INI, JPK THO TELAH MENGANJURKAN PROGRAM ILMIAH INI IAITU KULIAH MAGHRIB KEPADA MAHASISWA. SASARAN UTAMA PROGRAM INI ADALAH UNTUK MENINGKATKAN ILMU AGAMA DALAM DIRI. SELAIN ITU, IA JUGA BERTUJUAN UNTUK MEWUJUDKAN MAHASISWA YANG SEIMBANG DARI SEGI JASMANI, EMOSI, ROHANI DAN INTELEK. DI SAMPING ITU, PROGRAM INI TURUT DAPAT MEMUPUK SEMANGAT KEROHANIAN DALAM DIRI MAHASISWA.





UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PEMENTASAN TEATER MUZIKAL : HAK AKU








Seramai 50 orang pelajar daripada Kelab Kebudayaan UiTMCK telah menyertai Pementasan Teater Muzikal. Antara babak yang telah dilakukan termasuklah persembahan lakonan, nyanyian, dikir dan persembahan peragaan. Tidak terlepas juga, kerja-kerja belakang tabir seperti persiapan prop, pa sistem, audio dan tatarias yang dibantu oleh ahli kru Kelab Kebudayaan.





BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# EDUCATIONAL SYMPHONY








Educational Symphony: A Talk with Dr. Suhaili membawa maksud simfoni pendidikan. Simfoni dalam konteks ini merujuk kepada pendidikan yang tenang dan berkualiti tinggi, seperti simfoni dalam muzik yang menggabungkan pelbagai unsur dengan baik untuk mencipta hasil yang indah. Objektif bagi program ini termasuklah meningkatkan tahap produktiviti di antara pelajar, menerapkan motivasi tinggi dalam diri pelajar, menjaga kesihatan mental pelajar serta mencapai PI47 iaitu Peratus graduan bergraduat dengan CGPA 3.5 ke atas. Ceramah ini diberikan oleh Dr. Suhaili, Nazir Kanan bagi Jemaah Nazir Negeri Kelantan.





UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# KEMPEN DERMA DARAH "HERO UiTM: PENYELAMAT 3 NYAWA"




Program ini adalah salah satu inisiatif dari pihak penganjur dalam meningkatkan kesedaran, tanggungjawab sosial dan solidariti kemasyarakatan di kalangan mahasiswa.









JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ TUN ABDUL RAZAK DENGAN KERJASAMA HOSPITAL UNIVERSITI SAINS MALAYSIA, JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ TUNKU ABDUL RAHMAN DAN JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ DATO' ONN

BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# ESKEP 2024: RIANG RAYA








Ekspo Kelab dan Persatuan (Eskep) yang membawakan tema Riang Raya pada tahun ini merupakan program utama yang dianjurkan oleh MPP bagi tujuan mempamerkan pelbagai kelab dan persatuan pelajar yang terdapat di kampus. Ekspo ini berfungsi sebagai platform orientasi dan pengambilan di mana pelajar baharu dan sedia ada boleh meneroka kelab yang berbeza, berinteraksi dengan ahli, dan mendaftar untuk mereka yang menarik minat mereka. Pada kesempatan ini juga, program ini dilaksanakan adalah untuk mengeratkan hubungan di antara semua pihak di dalam UiTM Cawangan Kelantan juga menjaga baik hubungan yang sedia ada di antara UiTM dengan Universiti Princess of Naradhiwas.





BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# REWANG RAYA








Program Rewang Raya UiTMCK merupakan sebuah festival bertemakan raya. Penglibatan festival ini terdiri daripada seluruh warga UiTM Cawangan Kelantan dan juga undangan tetamu khas daripada Universiti Princess of Naradhiwas University. Tujuan program ini dilaksanakan adalah untuk mengeratkan hubungan diantara semua pihak di dalam UiTM Cawangan Kelantan juga membina hubungan baik diantara UiTM dengan Universiti Princess of Naradhiwas University. Diharapkan Program Rewang Raya UiTMCK ini akan menjadi sebagai sebuah program yang dapat mencoret kenangan juga memberi impak positif kepada semua pihak.





UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# STUDENT EXCHANGE PNU









International Student Exchange with Princess of Naradhiwas University ini merupakan sebuah program pertukaran budaya yang dapat memberikan peluang kepada pelajar daripada kedua-dua negara untuk mengalami pendidikan dan kehidupan di negara jiran. Ini memberi peluang untuk meningkatkan kemahiran antarbudaya, pembelajaran bahasa, dan pengalaman belajar unik yang mungkin tidak dapat diperoleh di dalam negara sendiri. Melalui program ini, Malaysia dan Thailand dapat memperkuatkan hubungan bilateral mereka dengan meningkatkan kerjasama dalam bidang pendidikan dan kebudayaan.






BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# FIESTA REKREASI DESA: KLASIK WARISAN NUSANTARA








Program bertemakan warisan budaya dalam bentuk sukan tradisional bagi mengimbau kembali tradisi negara. Peserta bermain permainan sukan rakyat berpakaian kain pelikat atau kain batik diselempangkan pada bahu mereka. 64 peserta menyertai program yang dimulakan dengan zumba, dan terdapat gerai jualan di perkarangan parkir Komples Sukan A UiTM Cawangan Kelantan, Kampus Machang malah cantingan batik daripada Pejabat Kraftanagan Malaysia. Semangat kerjasama antara dua perwakilan Kolej dapat dilihat pada hasil program ini.





Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# TOWNHALL ACIS 2.0: ASPIRASI MAHASISWA DINAMIK








SINOPSIS PROGRAM

Townhall ACIS 2.0: Aspirasi Mahasiswa Dinamik merupakan program anjuran Kelab Association of Muamalat Studies (ATLAS) yang berlangsung pada 6 Jun 2024, bertempat di Dewan Profesional, UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang. Program ini dijalankan untuk memberi pendedahan tentang kepentingan akademik dan kokurikulum serta memupuk semangat pelajar Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS). Selain itu, program ini bertujuan untuk merapatkan hubungan antara mahasiswa dan pensyarah ACIS.





UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# SCICO *SCHOOL ATTACK*








**SINOPSIS PROGRAM**
**SCICO *SCHOOL ATTACK: C++ PRODIGIES***

Program SCICO School Attack : C++ Prodigies Feat Faber Castell ini merupakan sebuah program yang dianjurkan oleh Kelab SCICO dengan kerjasama Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Ahmad Maher, Kota Bharu, Kelantan untuk memberi pendedahan awal kepada pelajar sekolah tentang penggunaan bahasa pengkomputeran C++ serta dalam masa yang sama untuk memupuk minat baharu dalam diri pelajar. Melalui program ini, ahli jawatankuasa SCICO yang merupakan fasilitator yang terdiri daripada pelajar Diploma Sains Komputer semester 2 dan semester 4 akan bersama-sama membimbing peserta mengeksplorasi bidang ini. Pelajar dan fasilitator akan dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan diagihkan kepada beberapa kelas. Hal ini supaya pelajar dapat lebih fokus dengan sesi pembelajaran dengan cara one to one oleh facilitator. Selain itu juga, peserta akan diberi peluang untuk membina kod program yang ringkas dengan betul dan tepat. Dengan perancangan program ini, kelab SCICO bersama Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Ahmad Maher, Kota Bharu, Kelantan berharap dapat membantu pelajar merancang hala tuju mereka selepas tamat sesi persekolahan. Dalam pada itu, aktiviti akademik ini juga dapat mengasah kemahiran teori dan praktikal yang telah mahasiswa pelajari di dalam kuliah.





BULETIN

KELAB *SCIENCE COMPUTER SOCIETY* (SCICO)

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# HARI BERSAMA AHLI HIMSAK




**Program ini dianjurkan adalah untuk merapatkan hubungan kekeluargaan di antara ahli-ahli kelab HIMSAK dan mengenali ahli-ahli HIMSAK dengan lebih dekat antara satu sama lain.Melalui pelaksanaan program ini mereka dapat melatih diri untuk mengurus sesuatu aktiviti dengan lebih baik.**













BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# OLAA OLEE ZUMBA 4.0












**Zumba merupakan kombinasi elemen tarian dan aerobic yang mulanya diasaskan oleh *choreography* pada tahun 1990-an sebagai prores kecergasan. Zumba sesuai diamalkan kerana ia mampu membakar lebih kalori (500-100 kalori) pada satu masa dan meningkatkan *endurance* (ketahanan fizikal). Program ini diadakan pada 11 Jun 2024 dan bertempat di Dewan Profesional, UiTM Machang. Tujuan program ini diadakan adalah untuk menghasilkan golongan pelajar yang sihat, terhindar daripadda sebarang masalah kesihatan dan Memberi peluang kepada pelajar siswi UiTM Machang untuk melakukan aktiviti yang sihat di UiTM Machang.**

BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# JAMUAN RAYA BERSAMA BRIGADES DAN PENASIHAT AKADEMIK












Pada 8 Mei 2024, Rabu, Office Management Students' Association (OMSA) sesi 23/24 telah mengadakan satu majlis iaitu Jamuan Raya Bersama Brigades dan Penasihat Akademik. Majlis yang dianjurkan bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara para pelajar BA232 dan BA262 bersama para penasihat akademik. Selain itu, adalah untuk meningkatkan pengetahuan para pelajar mengenai pembelajaran mereka serta hala tuju mereka setelah mereka tamat belajar nanti (SDG4).

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar



# KURSUS DESTAR ALAM MELAYU








Program ini merupakan anjuran Kelab Sekretariat Rukun Negara (SRN) di mana proggram ini dirangka dengan tujuan memberi pendedahan awal mengenai destar alam melayu kepada mahasiswa UiTM Cawangan Kelantan dan program ini dapat membuka ruang untuk mahasiswa mengenali dan menghayati kehebatan warisan Melayu sejak zaman-berzaman. Di samping itu, mahasiswa juga dapat mempelajari, memahami serta mendapat maklumat yang bermanfaat.





BULETIN

KELAB SEKRETARIAT RUKUN NEGARA (SRN)

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# COLLEGE AERODANCE TOUR









**SINOPSIS PROGRAM**

**College Tour Aerodance by SST and JTK March – August merupakan satu program aktiviti senaman yang melibatkan semua mahasiswa UiTMCK. Program ini diadakan bertujuan memberikan kesedaran kepada mahasiswa untuk melakukan aktiviti secara berkumpulan, sekaligus melahirkan mahasiswa yang aktif dan cergas dalam mengamalkan gaya hidup sihat.**





Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# SCICO BATTLE ARENA








**PROGRAM SCICO *BATTLE ARENA***

**Anjuran: Kelab *Science Computer Society* (SCiCO) dengan kerjasama *Moonton Student Leader* (MSL)**

Pada 18 Mei 2024 bersamaan hari Sabtu, Kelab *Science Computer Society* (SCiCO) dengan kerjasama *Moontoon Student Leader* (MSL) telah mengadakan satu program iaitu Program SCiCO *Battle Arena* yang diadakan di Kompleks Sukan Dato Onn, UiTM Cawangan Kelantan. Program ini disertai seramai 36 orang peserta yang terdiri daripada mahasiswa UiTM Cawangan Kelantan. Program ini juga disertai oleh Cik Nor Ashikin Hassan selaku perasmi program serta Puan Marina Ahmad dan juga Dr. Muhammad Firdaus Mustapha selaku tetamu di majlis penutup program.

Program ini bermula dari jam 7:30 pagi sehingga pukul 5:30 petang. Semua ahli jawatankuasa yang terlibat dikehendaki hadir 30 minit awal sebelum bermulanya program supaya dapat melakukan persediaan sebelum para peserta tiba. Program ini dimulai dengan ketibaan para peserta seterusnya disusuli dengan taklimat ringkas kepada setiap ketua kumpulan berkenaan peraturan permainan. Program ini selanjutnya dimulai dengan pusingan pertama dan diakhiri dengan pusingan akhir yang menentukan juara program. Setelah itu, program diteruskan lagi dengan ucapan perasmian yang disampaikan oleh Cik Nor Ashikin Hassan. Seterusnya, majlis berakhir dengan penyampaian hadiah kepada pemenang dan sesi bergambar antara peserta dan ahli jawatankuasa.

Program ini dilakukan adalah bertujuan mendorong pelajar dalam mencipta strategi untuk memupuk budaya inovasi dan kreativiti dalam komuniti mereka dan dalam masa yang sama untuk membantu pelajar menghilangkan tekanan daripada sesi pembelajaran seharian mereka.





BULETIN

**KELAB *SCIENCE COMPUTER SOCIETY* (SCICO)**

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# KNOWS YOUR ENEMIES








**program ini merupakan program yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Perwakilan Kolej Tunku Abdul Rahman dengan kerjasama *Kelab Association of welfare, Social, Motivation and Education* (AWESOME) yang bertujuan untuk memberi pendedahan serta kesedaran dan menghayati pengalaman sebenar kehidupan banduan di dalam penjara tersebut kepada para mahasiswa.**





BULETIN

JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ TUNKU ABDUL RAHMAN DENGAN KERJASAMA KELAB *ASSOCIATION OF WELFARE, SOCIAL, MOTIVATION AND EDUCATION (AWESOME)*

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# CAMPUS COHESION : COLLABORATIVE MINDS SHARE SUCCESS








**SINOPSIS PROGRAM**

CAMPUS COHESION :COLLABORATIVE MINDS,SHARED,SUCCESS merupakan sebuah program akademik Persatuan Intellectual Dynamic Business Society (INDYBS) UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang. Ia diadakan bertujuan untuk meningkatkan bakat kepimpinan mahasiswa ahli kelab serta memberi pendedahan kepada murid-murid dalam bidang perniagaan. Program ini juga akan berlangsung selama satu hari iaitu 13 Jun 2024 pada hari Khamis bermula 8:00 pagi sehingga 3:30 petang di Dewan Al-Kindi, Sekolah Menangah Kebangsaan Tanah Merah 1, Tanah Merah Kelantan yang melibatkan semua ahli INDYBS.






BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# KURSUS BAKAL PEGAWAI








Kursus Bakal Pegawai ini merupakan anjuran bersama Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (SISPA) dengan kerjasama Pusat Latihan Pertahanan Awam Wilayah Selatan (PULAPAS). Kursus ini wajib dihadiri bagi memenuhi syarat Pegawai Kadet Siswa Siswi Pertahanan Awam untuk ditauliahkan sebagai Leftenan Muda dan Staf Muda Pertahanan Awam Malaysia.





Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# BENGKEL *LATEX*









Pada 8 Jun 2024 bersamaan dengan hari Sabtu, *Member of Bachelor In Science Mathematics* (MOBISM) telah mengadakan program Bengkel *Latex* yang bertempat di D402 dan D404, Makmal Komputer Blok D. Program ini disertai oleh 39 orang pelajar semester 5 CS249.

Program ini berlangsung pada jam 8:30 pagi dan berakhir pada jam 12:30 tengah hari. Program ini diadakan untuk meningkatkan kemahiran penulisan akademik para pelajar terutamanya berkaitan tesis dan tugasan akademik lain yang menggunakan aplikasi perisian *Latex*. Selain itu, bengkel ini juga ingin memperkasakan kebolehpasaran mahasiswa di masa depan bagi meningkatkan daya dalam kerjaya terutama dalam bidang sains dan akademik.







BULETIN

***MEMBER OF BACHELOR IN SCIENCE MATHEMATICS* (MOBISM)**

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# MALAM BERSAMA KEBUDAYAAN : RIUH RAYA









Seramai 73 orang pelajar daripada Kelab Kebudayaan UiTMCK telah menyertai MBK dan 8 orang tetamu jemputan telah hadir bagi memeriahkan MBK kali ini. Antara persembahan yang telah dilakukan termasuklah persembahan lakonan, puisi, nyanyian, tarian, band, dikir, nasyid dan persembahan peragaan. Tidak terlepas juga, kerja-kerja belakang tabir seperti persiapan prop, pa sistem, audio dan tatarias yang dibantu oleh ahli kru Kelab Kebudayaan.





Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# BENGKEL ASAS VOKAL 2024








Bengkel ini dijalankan selama dua hari berturut-turut bersama guru vokal dari IGB International School (IGBIS), Irma Lailatul Munira. Bengkel Asas Vokal ini dijalankan sebagai penggalak dan motivasi kepada mahasiswa Kelab Kebudayaan untuk komited dan melibatkan diri dengan aktif dalam aktiviti dan program yang dianjurkan.





BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# LATIHAN MEDAN KOR SISPA SIRI 1









Pada 13 - 15 Jun 2024, telah berlangsungnya Latihan Medan Kor SISPA yang melibatkan 65 orang pelatih Kor SISPA di Kem Wawasan, UiTM Cawangan Kelantan.

Latihan medan Kor SISPA ini bertujuan untuk memastikan pelatih Kor SISPA dapat mempratikkan ilmu Angkatan Pertahanan Awam (APM) dengan lengkap dan jelas. Selain itu, latihan ini dapat menguji tahap fokus dan minda para pelatih dalam ilmu Pertahanan Awam untuk terus berbakti kepada masyarakat seterusnya melahirkan Pelatih Kor SISPA sebagai modal insan yang berketerampilan, berfikiran kritis serta bertanggungjawab dalam melaksanakan tugasan yang diberikan.






BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# "HEAL YOUR MIND: DRAW POSITIVE THOUGHT WITH BATIK CRAFTS"

**PADA 23 MEI 2024(KHAMIS), KELAB ASSSOCIATION OF WELFARE, SOCIAL, MOTIVATION AND EDUCATION TELAH MELAKSANAKAN PROGRAM "Heal Your Mind: Draw Positive Thought With Batik Crafts" DIMANA memberikan pendedahan kepada para graduan universiti tentang seni warisan budaya peninggalan nenek moyang yang tenggelam dek zaman. Dengan mengadakan program ini, ianya sedikit sebanyak dapat meningkatkan pengetahuan pelajar atau masyarakat tentang seni warisan iaitu mencanting batik, dan dapat menyamai minat pelajar dan masyarakat terhadap seni dan budaya. Dalam pada masa yang sama, ianya boleh dikaitkan dengan KPI 039 dimana ianya tentang emosi dan kesejahteraan pelajar. Hal ini adalah kerana, pelajar dapat menyatakan perasaan melalui mencanting batik.**











BULETIN

Bahagian
Hal Ehwal Pelajar

# PERTANDINGAN PIDATO BELIA







PERTANDINGAN PIDATO BELIA HARI BELIA NEGARA 2024 TELAH DIADAKAN PADA 17-20 MEI 2024 (PUSINGAN SARINGAN) YANG DIJALANKAN SECARA ATAS TALIAN MANAKALA PADA 26 MEI 2024 (PUSINGAN AKHIR) YANG DIADAKAN DI MELAKA. SEHUBUNGAN DENGAN ITU, PIHAK KELAB DEBAT DAN PIDATO UiTM CAWANGAN KELANTAN TELAH MENGHANTAR SEORANG WAKIL YANG MERUPAKAN AHLI KELAB UNTUK MENYERTAI PERTANDINGAN PIDATO INI.





BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# CYBERTALK: ROBOTIC & TECHNOLOGY FT AMINXABID








*PROGRAM CYBERTALK: ROBOTIC & TECHNOLOGY FT* AMINXABID

PADA 8 JUN 2024, KELAB *SCIENCE COMPUTER SOCIETY* (SCICO) TELAH MENGANJURKAN *PROGRAM CYBERTALK: ROBITOC & TECHNOLOGY FT* AMINXABID DI DEWAN PROFESIONAL, UITM CAWANGAN KELANTAN, KAMPUS MACHANG. PROGRAM INI MELIBATKAN 32 ORANG AHLI JAWATANKUASA DAN DISERTAI OLEH 500 PESERTA YANG TERDIRI DARIPADA MAHASISWA UITM CAWANGAN KELANTAN.ACARA INI BERMULA PADA JAM 8:30 PAGI DAN BERAKHIR PADA JAM 2:00 PETANG. SEMUA AHLI JAWATANKUASA PROGRAM HADIR 1 JAM LEBIH AWAL, PADA JAM 7:30 PAGI, UNTUK MELAKUKAN PERSIAPAN DAN PENYEDIAAN TEMPAT. PROSES PENDAFTARAN PESERTA BERLANGSUNG DARI JAM 8:30 HINGGA 10:30. TEPAT JAM9:00 PAGI, PROGRAM DIMULAKAN DENGAN BACAAN DOA OLEH SALAH SEORANG AJK PROGRAM, DAN KEMUDIAN PROGRAM DIMULAKAN. SEBELUM BERSURAI, SESI FOTOGRAFI DIADAKAN. OBJEKTIF UTAMA PROGRAM INI ADALAH UNTUKUNTUK MEMPERKENALKAN MAHASISWA KEPADA PERKEMBANGAN TERKINI DALAM BIDANG ROBITIK DAN TEKNOLOGI DAN MMENDORONG MINAT DAN PENYELIDIKAN DALAM BIDANG ROBOTIK SERTA MERANGSANG PEMBELAJARAN AKTIF DI KALANGAN MAHASISWA.





BULETIN

KELAB SCIENCE COMPUTER SOCIETY(SCICO)

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# COMPASSION IN ACTION: BRINGING SMILES TO EVERYONE








**PROGRAM COMPASSION IN ACTION; BRINGING SMILES TO EVERYONE adalah program untuk mengeratkan silaturrahim antara Jawatankuasa Perwakilan Kolej Dato' onn serta 16 orang anak-anak di Rumah Anak Yatim Lilbanat Darulnaim. Kami menjalankan pelbagai aktiviti serta permainan berimpak dan berilmiah. Selain itu, kami juga berjaya mengumpul sebanyak RM1700 sumbangan dan telah disampaikan pada wakil pekerja Rumah Anak Yatim Lilbanat Darulnaim.**





Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# BROKEN FAMILY:UJI TANDA SAYANG









"Broken Family: Uji Tanda Sayang" adalah program untuk mahasiswa yang bertujuan meningkatkan pemahaman tentang prinsip syariah dalam menangani konflik keluarga, menyedarkan mereka tentang kesan masalah keluarga yang tidak diselesaikan, serta menyediakan panduan Islamiah untuk pemulihan keluarga. Program ini telah menjemput Prof Madya Dr Tengku Fatimah Muliana, seorang pakar dalam "Islamic Family Law" dan "Women and Child Issues". Prof Madya Dr telah berkongsi pendapat dan ilmu pengetahuannya dalam menyelesaikan konflik-konflik rumah tangga yang mungkin dihadapi oleh para mahasiswa.






BULETIN

ASSOCIATION OF MUAMALAT STUDIES (ATLAS)

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# MAJLIS KENAIKAN BENGKUNG AWAN PUTIH








MAJLIS KENAIKAN BENGKUNG AWAN PUTIH DALAM PERSATUAN SILAT SENI GAYONG MALAYSIA MERUPAKAN ACARA PENGIKTIRAFAN YANG PENTING BAGI PARA AHLI YANG TELAH MENCAPAI TAHAP KECEKALAN DAN KEFAHAMAN YANG MENDALAM DALAM SENI BELA DIRI TRADISIONAL MELAYU. MAJLIS INI BERTUJUAN UNTUK MENGHARGAI DAN MENGIKTIRAF PENCAPAIAN MEREKA DALAM MEMPELAJARI DAN MENGHAYATI SILAT GAYONG SEBAGAI BAGIAN TAK TERPISAHKAN DARI WARISAN BUDAYA MELAYU. SELAIN SEBAGAI WADAH PENGHARGAAN, MAJLIS INI JUGA BERTUJUAN UNTUK MEMOTIVASI AHLI-AHU PERSATUAN DALAM MEMPERBAIKI KEMAHIRAN TEKNIKAL DAN MENGUATKAN NILAI-NILAI DISIPLIN, KESABARAN, SERTA SEMANGAT KESETIAAN KEPADA PERSATUAN. DENGAN PELAKSANAAN YANG TELITI DAN TERATUR, MAJLIS INI DIHARAPKAN DAPAT MENGILHAMI GENERASI MUDA UNTUK MENERUSKAN TRADISI DAN MELESTARIKAN SENI BELA DIRI MELAYU YANG KAYA AKAN NILAI-NILAI KEBUDAYAAN.





BULETIN

PERSATUAN SILAT SENI GAYONG MALAYSIA (PSSGM)

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# ITCOMM MERCH MASTER









Program ini diadakan untuk mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (CS240), Kolej Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Kelantan, Kampus Machang menyumbang idea kreatif di dalam mencipta rekaan dan logo yang akan digunakan untuk barangan ITCOMM seperti baju, lanyard ataupun mug. Program ini diadakan untuk melahirkan mahasiswa yang berfikiran kreatif dan inovatif serta mengasah bakat mahasiswa dalam menggunakan aplikasi suntingan yang ada.






Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# SHARING FROM ALUMNI : IT TECHNOPRENEUR




POSTER PROGRAM



GAMBAR VVIP



GAMBAR AJK

Program Sharing From Alumni: IT and Technopreneur merupakan program anjuran Persatuan Information Technology Community (ITCOMM) CS240 UiTM Cawangan Kelantan, Kampus Machang. Program ini bertujuan untuk memberi peluang kepada para pelajar untuk mengetahui kerjaya dan potensi dalam industri teknologi dan komputeran. Oleh karena itu, tujuan dari program Sharing from Alumni: IT and Technopreneur adalah untuk memberikan pendedahan dan pemahaman tentang industri IT serta peluang karier yang tersedia bagi para graduan baru. Program ini dilaksanakan secara atas talian sahaja. Penceramah yang diundang untuk program ini merupakan alumni CS110 dari UiTM Cawangan Kelantan yang telah meletakkan diri dalam industri IT. Penceramah pertama memiliki perniagaan sendiri di bidang fotografi dan multimedia, manakala penceramah kedua terlibat dalam pengembangan sistem perbankan.



GAMBAR PERASMI



GAMBAR PROGRAM

BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# *A DAY WITH* SISPA








Pada 18 Mei 2024 telah berlangsungnya Program *A Day With* SISPA yang melibatkan seramai 54 orang peserta dalam kalangan mahasiswa UiTM Machang dan 20 orang ahli jawatankuasa yang terdiri daripada PKS (Pegawai Kadet SISPA). Program ini berlangsung di Kem Wawasan serta dihadiri dan dirasmikan juga oleh YBrs. Prof. Dr. Haji Abdol Samad Nawi, Rektor UiTM Cawangan Kelantan.

Program *A Day With* SISPA diadakan bertujuan untuk memperkenalkan Kor SISPA kepada mahasiswa UiTM Machang. Program ini juga dapat memberi pendedahan tentang kemahiran *"survival"* kepada mahasiswa sebagai panduan menghadapi cabaran di masa hadapan. Tambahan lagi, melalui program ini Kor SISPA dapat melahirkan mahasiswa yang hebat dalam ketahanan mental dan fizikal.





BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PATHWAYS TO SUCCESS: A CAREER CONVERSATION WITH RAJA PERFUME MALAYSIA 2024








Pada 23 Jun 2024, Kelab Pembimbing Efektif Rakan Sebaya (PEERS) & Unit Kerjaya dan Kaunseling (UKK) dengan kerjasama *Raja Perfume Malaysia* telah menganjurkan Program *Pathways to Success: A Career Conversation with Raja Perfume Malaysia.* Program ini berlangsung di Dewan Profesional, UiTM Cawangan Kelantan, Kampus Machang. Objektif utama program ini dianjurkan adalah bertujuan untuk membuka peluang kepada mahasiswa untuk membina rangkaian profesional dalam bidang keusahawanan dan kerjaya, serta melahirkan mahasiswa yang kompeten sebelum memasuki alam pekerjaan. Pihak penganjur berjaya mencapai sasaran peserta iaitu seramai 400 orang mahasiswa dari UiTM Cawangan Kelantan telah menyertai program yang berimpak tinggi ini.





Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# LATIHAN MEDAN KOR SISPA SIRI 2









Pada 20 - 22 Jun 2024, telah berlangsungnya Latihan Medan Kor SISPA yang melibatkan 56 orang pelatih Kor SISPA di Kem Wawasan, UiTM Cawangan Kelantan.
Latihan Medan Kor SISPA ini bertujuan untuk memastikan pelatih Kor SISPA dapat mempraktikkan ilmu Angkatan Pertahanan Awam (APM) dengan lengkap dan jelas. Selain itu, latihan ini dapat menguji tahap fokus dan minda para pelatih dalam ilmu Pertahanan Awam untuk terus berbakti kepada masyarakat seterusnya melahirkan Pelatih Kor SISPA sebagai modal insan yang berketerampilan, berfikiran kritis serta bertanggungjawab dalam melaksanakan tugasan yang diberikan.





BULETIN

KOR SISWA SISWI PERTAHANAN AWAM (SISPA )

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# MOVIE NIGHT WITH SCICO

PROGRAM *MOVIE NIGHT WITH SCICO*

ANJURAN : KELAB *SCIENCE COMPUTER SOCIETY* (SCICO)

PADA 23 MEI 2024 BERSAMAAN HARI SELASA, KELAB *SCIENCE COMPUTER SOCIETY* (SCICO) TELAH MENGANJURKAN SATU PROGRAM IAITU PORGRAM *MOVIE NIGHT WITH SCICO* YANG DIADAKAN DI AUD200, UITM CAWANGAN KELANTAN KAMPUS MACHANG. PROGRAM INI MALIBATKAN SERAMAI 19 ORANG AHLI JAWATANKUASA PROGRAM. PROGRAM INI JUGA DISERTAI SERAMAI 250 PESERTA YANG TERDIRI DARIPADA MAHASISWA UITM CAWANGAN KELANTAN.

PROGRAM INI BERMULA PADA JAM 8:10 MALAM DAN BERAHKIR PADA JAM 10:50 MALAM. SEMUA AHLI JAWATANKUASA PROGRAM YANG TERLIBAT DIKEHENDAKI HADIR 30 MINIT AWAL BAGI MELAKUKAN PERSIAPAN DAN PERSEDIAAN TEMPAT SEBELUM BERMULANYA PROGRAM. PADA JAM 8:00 MALAM HINGGA 8:15 MALAM, PARA PESERTA MULA HADIR DAN PROSES PENDAFTARAN BERLANGSUNG. KEMUDIAN, TEPAT JAM 8:30 MALAM, PROGRAM DIMULAI DENGAN BACAAN DOA YANG DIPIMPIN OLEH AJK PROGRAM. SETERUSNYA, TAYANGAN FILEM DIMULAKAN. SEBELUM BERSURAI, SESI FOTOGRAFI DIJALANKAN.

ANTARA OBJEKTIF UTAMA PROGRAM INI DILAKSANAKAN ADALAH UNTUK MEMBANTU MENGURANGKAN TEKANAN PEMBELAJARAN YANG MUNGKIN DIHADAPI OLEH MAHASISWA SETELAH GIGIH MENGHADIRI KULIAH DAN MENDUDUKI UJIAN ATAU KUIZ PERTENGAHAN SEMESTER. OLEH ITU, PROGRAM INI DIANJURKAN SEBAGAI SALAH SATU USAHA DALAM MENGEMBALIKAN SEMANGAT BELAJAR DALAM DIRI PARA MAHASISWA SEKALI GUS MERAPATKAN HUBUNGAN SILATURAHIM DALAM KALANGAN MEREKA.










BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# KURSUS BAKAL PEGAWAI SIRI 1/2024

Kursus Bakal Pegawai ini merupakan anjuran Pusat Latihan Pertahanan Awam Wilayah Selatan (PULAPAS) dengan kerjasama Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (SISPA) UiTM Cawangan Kelantan dengan jumlah penyertaan peserta seramai 9 orang Pegawai Kadet SISPA (PKS). Kursus ini wajib diambil bagi memenuhi syarat Pegawai Kadet SISPA (PKS) untuk ditauliahkan sebagai Leftenan Muda dan Staf Muda Pertahanan Awam Malaysia.










UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# DABONG *ADVENTURE*: MENEROKA ALAM DI SEBALIK BATU










Program ini melibatkan seramai 40 orang ahli kelab yang terdiri daripada 25 ahli jawatankuasa pelaksana dan 15 orang peserta serta seorang penasihat kelab. Program ini khusus memberikan pendedahan kepada ahli untuk lebih aktif melibatkan diri dalam suasana interaktif yang bagus seperti pengendalian program. Program ini dimulakan dengan senamrobik yang diketuai oleh 8 orang AJK. Seterusnya, aktiviti meneroka gua bermula yang dibimbing oleh *guiders* yang bertugas mengikut kumpulan. Pada masa yang sama, aktiviti bergambar dilakukan di dalam gua bagi pemilihan gambar yang paling menarik. Akhir sekali, setelah selesai meneroka gua, aktiviti *Treasure Hunt* dilakukan dalam kalangan AJK dan peserta.





Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# FESTIVE HARMONY: RAYA AT KAMPUNG DATO' ONN








**FESTIVE HARMONY: RAYA at Kampung Dato' Onn merupakan program sambutan hari raya yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Perwakilan Kolej Dato' Onn. Sasaran peserta untuk program ini terutamanya kepada penghuni Kolej Dato' Onn. Peserta diminta untuk membayar yuran sebanyak RM8. Pelbagai makanan, minuman dan pencuci mulut yang disediakan untuk peserta. Selain itu juga, terdapat persembahan dan juga permainan.**







JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ DATO' ONN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# D'BANQUERS OUTDOOR HARMONY BOND





VVIP : ENCIK WAN MOHD FIRDAUS BIN WAN MOHAMAD


GAMBAR AJK

sinopsis yang dapat dihuraikan melalui program ini adalah dapat mengeratkan ukhuwah antara ahli disamping mencari pengalaman yang baharu dan mengenal pasti setiap skop kerja. Perkara tersebut sedikit sebanyak dapat membantu ahli baharu untuk mengetahui minat dan kelebihan diri masing-masing. Program ini juga bertujuan untuk memberi pengalaman dan suasana yang baharu kerana ini merupakan program pertama yang dijalankan


PENASIHAT : ENCIK PUTRA FAIZURRAHMAN ZAHID


GAMBAR PROGRAM

BULETIN

Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# THO CRAFTY CREATIVE: TIE DYE












**Program *THO Crafty Creative: Tie Dye* anjuran Jawatankuasa Perwakilan Kolej Tun Hussein Onn telah diadakan pada 7 Jun 2024 yang disertai 37 peserta. Program ini dilaksana bertujuan untuk mewujudkan pemikiran dan budaya kreatif dalam kalangan mahasiswa UiTM Cawangan Kelantan. Selain itu, ia dapat mengeratkan silaturahim antara Jawatankuasa Kolej Tun Hussein Onn dengan mahasiswa. Program ini juga melahirkan mahasiswa yang aktif dalam mengekalkan kebersihan dan kesejahteraan di kolej kediaman.**

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# BONDING AND LEARNING












**Program *Bonding and Learning* anjuran Jawatankuasa Perwakilan Kolej Tun Hussein Onn telah diadakan pada 19 hingga 20 April 2024 serta program ini telah disertai oleh 37 orang peserta. Program ini dilaksanakan bertujuan untuk melahirkan semangat kerjasama dan bersatu padu antara mahasiswa. Selain itu program ini dapat melahirkan generasi muda yang bersedia secara mental dan fizikal bagi sesuatu program serta dapat meningkatkan kesiap-siagaan dalam diri mahasiswa.**

BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PEMANTAPAN ANAK GAYONG








PROGRAM PEMANTAPAN ANAK GAYONG ADALAH SEBUAH INISIATIF YANG BERTUJUAN UNTUK MEMPERKUKUH KEMAHIRAN DAN SEMANGAT AHLI-AHLI SILAT DALAM KUMPULAN GAYONG. PROGRAM INI MERANGKUMI LATIHAN INTENSIF YANG MELIBATKAN PELBAGAI ASPEK SENI SILAT SEPERTI TEKNIK PERTAHANAN DIRI, KEKUATAN FIZIKAL, DAN DISIPLIN MENTAL. SELAIN LATIHAN FIZIKAL, PROGRAM INI JUGA MENEKANKAN NILAI-NILAI MURNI SEPERTI KEBERANIAN, KEJUJURAN, DAN KERJASAMA. AKTIVITI TAMBAHAN SEPERTI SESI MOTIVASI DAN CERAMAH TURUT DIADAKAN UNTUK MEMUPUK SEMANGAT JUANG DAN KOMITMEN DALAM KALANGAN AHLI. MELALUI PROGRAM INI, AHLI-AHLI SILAT GAYONG DIHARAPKAN DAPAT MENINGKATKAN KEMAHIRAN MEREKA, MEMPERKUKUH IKATAN PERSAUDARAAN, DAN MEMAJUKAN SENI SILAT GAYONG KE TAHAP YANG LEBIH TINGGI.





BULETIN

PERSATUAN SILAT SENI GAYONG MALAYSIA (PSSGM)

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# MAJLIS MANDI TAPAK








"MANDI TAPAK" ADALAH UPACARA TRADISIONAL DALAM SENI SILAT YANG BERTUJUAN UNTUK MEMBERSIHKAN DIRI DARIPADA UNSUR-UNSUR NEGATIF, MEMPERKUKUH IKATAN ANTARA AHLI KELAB, DAN MENINGKATKAN KEYAKINAN DIRI. UPACARA INI BIASANYA DILAKUKAN DI KAWASAN BERSIH BERHAMPIRAN SUMBER AIR, DENGAN AHLI KELAB MEMAKAI PAKAIAN SILAT DAN MENGGUNAKAN BAHAN-BAHAN SEPERTI BUNGA, LIMAU, SERTA AIR YANG TELAH DIBACAKAN DENGAN AYAT-AYAT SUCI AL-QURAN. PROGRAM INI DIMULAKAN DENGAN BACAAN DOA DAN SELAWAT, DIIKUTI DENGAN PENYIRAMAN ATAU PENCEBURAN DIRI KE DALAM AIR TERSEBUT, SERTA PENGGUNAAN BAHAN SEPERTI BUNGA DAN LIMAU SEBAGAI SIMBOLIK PENGHAPUSAN UNSUR NEGATIF. UPACARA DIAKHIRI DENGAN DOA KESYUKURAN, MEMPERERAT UKHUWAH DAN DISIPLIN DALAM KALANGAN AHLI, SERTA MEMAJUKAN SENI SILAT ITU SENDIRI.







PERSATUAN SILAT SENI GAYONG MALAYSIA (PSSGM)

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# BASIC SELF DEFENSE








**Program-program keselamatan seperti asas pertahanan diri amatlah digalakkan kepada mahasiswa UiTM Cawangan Kelantan. Oleh itu, Jawatankuasa Perwakilan Kolej Tun Hussein Onn anjuran bersama Kelab Taekwondo UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang bercadang untuk melaksanakan program yang berunsurkan keselamatan khusus kepada mahasiswa UiTM Cawangan Kelantan. Sasaran utama program ini adalah bagi mendedahkan kepada mahasiswa asas pertahanan diri untuk keselamatan mahasiswa sama ada berada di dalam kampus atau luar kampus.**





BULETIN

JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ TUN HUSSEIN ONN DENGAN KERJASAMA KELAB TAEKWONDO

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# BUBBLES RUN : FUN RUN AND ZUMBA








Pada 18 Mei 2024 (Sabtu), Jawatankuasa Perwakilan Kolej Tunku Abdul Rahman Sesi 23/24 dengan kerjasama Jawatankuasa Perwakilan Kolej Tun Abdul Razak Sesi 23/24 telah mengadakan program yang bernama BUBBLES RUN : FUN RUN AND ZUMBA. Program ini dianjurkan bagi memupuk budaya bersukan dan beriadah dalam kalangan mahasiswa UiTM Cawangan Kelantan serta melahirkan mahasiswa yang aktif bukan sahaja daripada aspek akademik namun juga dari aspek kokurikulum. Selain itu program ini juga banyak memberi impak kepada mahasiswa yang menyertai, antaranya dari segi kesihatan dan mental ia mampu meningkatkan tahan kecergasan fizikal, mengurangkan risiko penyakit kronik dan menggalakkan gaya hidup sihat. Seterusnya dari segi kemahiran sosial ia memberi peluang kepada mahasiswa untuk berinteraksi dan berkenalan sekaligus memperluaskan jaringan sosial mereka. Akhir sekali dari segi prestasi akademik, dengan menyertai aktiviti luar seperti larian, mahasiswa dapat mencari keseimbangan antara akademik dan kokurikulum, yang boleh meningkatkan prestasi akademik secara keseluruhan melalui pengurusan masa yang lebih baik.





BULETIN

JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ TUNKU ABDUL RAHMAN &
JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ TUN ABDUL RAZAK

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# CERITA RAYA KITA









**MAJLS SAMBUTAN HARI RAYA DiQMA: CERITA RAYA KITA YANG DIANJURKAN OLEH KELAB *DIPLOMA IN QUANTITATIVE OF SCIENCE MATHEMATICS ASSOCIATION* (DiQMA) INI DIADAKAN PADA 20 APRIL 2024 (SABTU) DI KELAS D310KL, BLOK D, UiTM CAWANGAN KELANTAN. MAJLIS INI BERTUJUAN UNTUK MENGERATKAN HUBUNGAN SILATURAHIM ANTARA MAHASISWA DIPLOMA SAINS MATEMATIK DAN MEMUPUK MINAT TERHADAP AKTIVITI-AKTIVITI PERSEMBAHAN BERTEMAKAN HARI RAYA AIDILFITRI DALAM KALANGAN MAHASISWA.**






BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# COMMERCIAL PHOTOGRAPHY ART WITH CANON MALAYSIA








Pada 3 & 4 Mei 2024, Kelab UiTM Click Club (U'CliCb) telah mengadakan suatu program iaitu program UiTM Machang *Commercial Photography Art With* Canon Malaysia yang bertempat di sekitar UiTM Kampus Machang, Kelantan.

Program ini berlangsung di HRD B dan juga gelanggang kompleks sukan. Terdapat pelbagai perisian menarik yang dijalankan antaranya, mahasiswa ditunjuk ajar tentang *camera setting*, belajar mengenai *lens* dan juga *product shooting*.

Selain itu, pihak Canon juga memberikan pendedahan mengenai cara mengawal cahaya yang telah di jalankan ketika sesi *lighting control* dan seterusnya menilai hasil kerja mereka ketika *photo review*.

Program ini adalah untuk memberi pendedahan ilmu fotografi secara mampan kepada ahli kelab. Selain itu, untuk menarik perhatian pelajar yang berminat dengan fotografi, untuk melibatkan diri sebagai ahli kelab kami sekaligus mempelajari cara dan teknik untuk menangkap gambar dengan betul.





Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# CREATIVE CANVA: BEGINNER'S WORKSHOP




**POSTER PROGRAM**




**GAMBAR VVIP**




**GAMBAR AJK**

Bengkel Creative Canva: Beginner's Workshop adalah untuk memberi peserta kemahiran praktikal dalam menggunakan aplikasi Canva. Bengkel ini dikendalikan secara dalam talian untuk mengoptimalkan bilangan peserta dan penjimatan kos. Canva adalah aplikasi yang serba guna yang membolehkan pengguna membuat pelbagai jenis rekaan grafik seperti poster, infografik, kad ucapan, dan banyak lagi tanpa memerlukan kemahiran mendalam dalam reka bentuk grafik.

Penceramah untuk bengkel ini juga adalah yang arif dalam bidang reka bentuk grafik yang boleh memberi manfaat kepada peserta bengkel.




**GAMBAR PERASMI**




**GAMBAR PROGRAM**

BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PERTANDINGAN DEBAT BELIA 2024








PIHAK KELAB DEBAT DAN PIDATO TELAH MENGHANTAR SATU KUMPULAN BAGI MEWAKILI UiTM CAWANGAN KELANTAN KE PERTANDINGAN DEBAT BELIA 2024 PIALA TAN SRI AISHAH GHANI ANJURAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA YANG DIADAKAN PADA 26 APRIL 2024 SEHINGGA 28 APRIL 2024. PIHAK KAMI TELAH BERJAYA MENAMATKAN PUSINGAN AWAL SERTA DUA DARI EMPAT PENDEBAT TELAH BERJAYA MENDAPATKAN GELARAN PENDEBAT TERBAIK PADA PUSINGAN AWAL DI DALAM PERTANDINGAN TERSEBUT.





BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# CERAMAH AGAMA:"KELEBIHAN 10 MALAM TERAKHIR RAMADHAN"

**PROGRAM CERAMAH: "KELEBIHAN 10 MALAM TERAKHIR RAMADHAN"**

**29 MAC 2024**
**Anjuran:PERSATUAN INFORMATION TECHNOLOGY COMMUNITY (ITCOMM)**

Program ini telah diadakan secara dalam talian di tempat masing-masing pada 29 mac 2024.Program ceramah ini diadakan bertujuan untuk mengisi masa lapang pelajar dengan menambah ilmu pengetahuan tentang kelebihan 10 malam terakhir pada bulan ramadhan .

Seramai 41 orang peserta berdaftar telah meghadiri program ini.Selain itu turut mmenghadiri program adalah Cik Noorfadzilah binti Arifin selaku Penyelaras Program Persatuan ITCOMM,Puan Marhainis selaku penasihat 1 persatuan ITCOMM ,Encik Nik Mohamad Wafiy selaku penasihat 2 persatuan ITCOMM dan pensyarah dari fakulti FSKM.
Seramai 4 orang ahli jawatankuasa yang terlibat dalam program ini.



Gambar peserta



Gambar sesi ucapan dari penasihat 1






Pengacara majlis ,Muhammad Ihsan mengacara majlis.



Presiden ITCOMM menyampaikan sedikit ucapan kata alu-aluan

BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# RIANG RAYA ESKEP








PROGRAM "RIANG RAYA ESKEP" MERUPAKAN SEBUAH PROGRAM YANG DIANJURKAN OLEH MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR UITM CAWANGAN KELANTAN. DALAM MASA YANG SAMA KELAB U'CLICB JUGA TELAH MELIBATKAN DIRI UNTUK MENCARI MAHASISWA YANG LEBIH CENDERUNG UNTUK MENGASAH BAKAT MEREKA DALAM SESEBUAH ORGANISASI. PROGRAM INI JUGA BERTUJUAN UNTUK MEMPERKENALKAN KEPADA SEMUA MAHASISWA TENTANG KELAB - KELAB YANG TELAH DITUBUHKAN DI UITM CAWANGAN KELANTAN KAMPUS MACHANG. PROGRAM INI TELAH BERLANGSUNG SELAMA 1 MINGGU IAITU BERMULA PADA 21-27 APRIL 2024 (AHAD-SABTU) PADA JAM 10:00 PAGI SEHINGGA 11:00 MALAM. SEPANJANG PROGRAM INI BERLANGSUNG, KELAB U'CLICB TELAH MENJUAL BEBERAPA BARANGAN BAGI MENAMBAH PENDAPATAN KELAB.






BULETIN

Universiti Teknologi MARA
Cawangan Kelantan
Kampus Machang

# FEEL IT ART : REALITY INDUSTRY












Program Feel It Art: Reality Industry ini telah diadakan selama dua hari iaitu pada 26 dan 30 April 2024 di AUD200. Program ini melibatkan 100 orang peserta dan ianya terbuka kepada semua mahasiswa UiTM Cawangan Kelantan. U'CliCb telah menjemput tiga orang penceramah yang merupakan jurugambar profesional untuk menceritakan pengalaman mereka dalam bidang fotografi. Program ini dapat memberi pendedahan kepada mahasiswa yang ingin menceburi industri fotografi yang mempunyai pelbagai cabaran yang perlu diharungi. Selain itu, program ini dapat membina rangkaian dan hubungan profesional dengan pihak luar.

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# FIT & ZUMBA WITH JPKTHO








Pada 9 Mei 2024, Jawatankuasa Perwakilan Kolej Tun Hussein Onn telah mengadakan program *Fit & Zumba with* JPKTHO. Program ini telah diadakan di Dewan Tertutup Kolej Tun Hussein Onn dan telah dihadiri oleh 162 orang peserta melebihi sasaran peserta iaitu seramai 150 peserta.





BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# FUN SPLASH SPLASHING DOWN








Program *Fun Splash Splashing Down* anjuran Jawatankuasa Perwakilan Kolej Tun Hussein Onn dengan kerjasama *Outdoor Recreation Club* telah diadakan pada 17 Mei 2024 yang disertai 171 peserta. Program ini dilaksanakan bertujuan untuk membina suasana ceria dan aktif bersukan sambil merehatkan minda serta mewujudkan kesedaran terhadap kesihatan mental dan fizikal. Program ini juga dapat memupuk mahasiswa yang aktif dan bersemangat.







JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ TUN HUSSEIN ONN DAN OUTDOOR RECREATION CLUB

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# SAMBUTAN HARI BERSAMA AHLI & MAJLIS JALINAN KASIH PEERS 2024 : "ENJOY YOUR EID FEAST"








Pada 30 April 2024, Kelab Pembimbing Efektif Rakan Sebaya (PEERS) telah mengadakan Program Sambutan Hari Bersama Ahli dan Majlis Jalinan Kasih PEERS 2024:" Enjoy Your Eid Feast!". Program ini berlangsung pada pukul 7:30 malam dan berakhir pada pukul 10:15 malam. Program ini diadakan bertujuan untuk memperkenalkan kelab PEERS dan penghubung Unit Kerjaya dan Kaunseling (UKK) kepada ahli-ahli, meraikan ahli-ahli baharu kelab PEERS serta memperkenalkan barisan Majlis Tertinggi dan Exco kelab PEERS. Kumpulan sasaran peserta bagi program ini adalah 150 sekretariat, ahli-ahli kelab PEERS dan 50 peserta terbuka kepada mahasiswa UiTM Cawangan Kelantan. Bilangan peserta program ini adalah seramai 94 orang peserta termasuk 30 AJK pelaksana yang terlibat.





BULETIN

KELAB PEMBIMBING EFEKTIF RAKAN SEBAYA (PEERS)

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# INFAQ RAMADHAN ITCOMM




Poster program yang diedarkan di media sosial




Poster yang dimuatnaik di instagram rasmi ITCOMM




Poster yang diedarkan melalui *Group WhatsApp*

**PROGRAM INFAQ RAMADHAN DAN SUMBANGAN ITCOMM**

**12 MAC-9 APRIL 2024**
**ANJURAN : PERSATUAN INFORMATION TECHNOLOGY COMMUNITY (ITCOMM)**

Program Infaq Ramadhan dan Sumbangan ITCOMM dilaksanakan oleh Kelab Information Technology Community (ITCOMM) ini bertujuan untuk membantu warga UiTM yang ingin memberikan infaq kepada pihak yang memerlukan. Program ini akan dijalankan sepanjang bulan ramadhan secara atas talian di mana sesiapa yang ingin menyumbang boleh mengakses QR Code akaun bank kelab ITCOMM yang diberikan di dalam poster. Poster berkaitan Program Infaq Ramadhan dan sumbangan ITCOMM ini diedarkan melalui WhatsApps dan Instagram rasmi ITCOMM.




Poster disebarkan melalui *story* Instagram rasmi ITCOMM




Poster yang dimuatnaik di *Group WhatsApp* ITCOMM

Universiti Teknologi Mara | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# JALINAN KASIH SRN




Program ini dirangka bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturrahim dan mewujudkan jalinan ukhuwah antara ahli kelab SRN yang lama dan yang baru, di samping memupuk semangat cinta dan sayang akan negara










BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# JALINAN MESRA MAHASISWA CDCS249 BERSAMA PENASIHAT AKADEMIK








Pada 11 Mei 2024 bersamaan dengan hari sabtu, Member of Member Of Bachelor In Science Mathematics (MOBISM) telah mengadakan program Jalinan Mesra Mahasiswa CDCS249 Bersama Penasihat Akademik yang bertempat di D310,blok D. Program ini disertai oleh pelajar CDCS249 UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang Sesi 2024/2025.

Program ini berlangsung pada jam 8:00 pagi dan berakhir pada jam 12:30 tengahari. Program ini merupakan salah satu usaha untuk mengeratkan lagi hubungan dan mencipta satu ikatan yang erat antara pensyarah dan mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Matematik (CDCS249). Harapan dari program ini dapat menjadi akar umbi kepada Mahasiswa untuk mengenali pensyarah dan sesama mahasiswa.






BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PROGRAM KHATAM AL-QURAN




POSTER PROGRAM



GAMBAR VVIP



GAMBAR AJK

PROGRAM "KHATAM AL-QURAN BERSAMA GPMS DAN IMAN" IALAH AKTIVITI MEMBACA AL-QURAN DAN MENGKHATAMKAN AL-QURAN SECARA BERJEMAAH DALAM BULAN RAMADAN. PROGRAM INI AKAN DIJALANKAN PADA 11 MAC 2024 HINGGA 9 APRIL 2024 SECARA ATAS TALIAN MELALUI PLATFORM GOOGLE MEET.

PROGRAM KHATAM AL-QURAN INI MERUPAKAN KEGIATAN DI MANA PARA MAHASISWA UITM CAWANGAN KELANTAN MEMBACA AL-QURAN DAN MENGKHATAMKANNYA SECARA BERJEMAAH DALAM BULAN RAMADAN. PROGRAM INI BERTUJUAN UNTUK MERAIH KEBERKATAN DI DALAM BULAN YANG MULIA INI DAN MEMBERI PELUANG KEPADA MAHASISWA UNTUK BERIBADAH DAN MENDALAMI AL-QURAN SERTA MENDEKATKAN DIRI DENGAN ALLAH SWT.

OLEH ITU, KAMI PERSATUAN GABUNGAN PELAJAR MELAYU SEMENANJUNG (GPMS) CAWANGAN KHAS UITM CAWANGAN KELANTAN DAN INTELLECTUAL MEMBERS OF MUSLIM NATION (IMAN) UITM CAWANGAN KELANTAN INGIN MENGAMBIL INISIATIF UNTUK MELAKSANAKAN PROGRAM YANG MENARIK DAN BANYAK MEMBERI MANFAAT INI.




GAMBAR PERASMI



GAMBAR PROGRAM

BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# LIPLAP BILIKKU BERAYA








Program Liplap Bilikku Beraya anjuran Jawatankuasa Perwakilan Kolej Tun Hussein Onn telah diadakan pada 24 April - 1 Mei 2024 yang disertai 27 peserta. Program ini dilaksanakan bertujuan untuk melatih dan membina budaya yang berdaya saing, positif dan dinamik. Serta program ini akan melahirkan pelajar yang aktif dan berpotensi dalam bidang kesenian dan kebudayaan. Program ini mampu mencabar minda mahasiswa untuk berfikir secara kritis dalam mencari idea dan menepati tema yang dipertandingkan.





UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# MALAM BERSAMA STAF RESIDEN KOLEJ TUN HUSSEIN ONN








PROGRAM INI TELAH DIADAKAN PADA 22 APRIL 2024 BERTEMPAT DI DEWAN PROFESIONAL,UITM MACHANG. PROGRAM INI TELAH DISERTAI SERAMAI 500 ORANG PENGHUNI KOLEJ. PROGRAM INI DIADAKAN ADALAH UNTUK MEMPERKENALKAN BARISAN STAF RESIDEN KOLEJ DAN JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ TUN HUSSEIN ONN (JPKTHO) KEPADA PARA PENGHUNI.SELAIN ITU, PROGRAM INI JUGA MENERANGKAN SISTEM MERIT KOLEJ KEPADA PENGHUNI SERTA MEMBERI PENDEDAHAN TENTANG PERATURAN-PERATURAN KOLEJ KEPADA PENGHUNI TERUTAMA KEPADA PELAJAR SEMESTER 1.AKHIR SEKALI, PROGRAM INI JUGA DIADAKAN UNTUK MENGUKUHKAN UKHUWAH ANTARA MAHASISWA DAN STAF RESIDEN KOLEJ.





BULETIN